

21 OCT 2002

Aziz-English

PIHAK TERTENTU DIINGAT TIDAK SALAH GUNA TOLERANSI

PORT DICKSON, 21 Okt (Bernama) -- Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Abdul Aziz Shamsudin mengingatkan pihak tertentu supaya tidak menyalahgunakan toleransi yang selama ini diamalkan oleh kerajaan dalam menyelesaikan pelbagai isu berbangkit.

Katanya beliau bimbang jika sesiapa menyalahgunakan sikap toleransi, ia akan membawa akibat buruk dan kerugian besar kepada negara.

"Sama ada mereka bangsa Melayu, Cina atau India, apabila mereka menyalahgunakan toleransi, mereka akan menghadapi masalah besar.

"Kita telah mencapai kemerdekaan selama 45 tahun dan rakyat berbilang kaum terus menikmati ketenteraman, kemakmuran dan keharmonian. Tetapi apabila kita cuba bertindak di luar kebiasaan (batasan), kita akan menghadapi masalah genting," katanya kepada pemberita sebagai mengulas keputusan Jawatankuasa Pusat MCA yang sebulat suara menentang cadangan mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, di semua Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina tahun depan.

Terdahulu beliau merasmikan Karnival Permainan Pendidikan Khas 2002 peringkat kebangsaan, di padang Merdeka di sini, hari ini.

Katanya kerajaan ingin melaksanakan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris demi kebaikan masa depan generasi muda di negara ini.

"Kita ingin melaksanakan pengajaran ini kerana kita bertanggungjawab. Saya tetap berpegang dengan pandangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa masa depan anak-anak kita dalam dunia sekarang, begitu mencabar dan pentingnya bahasa Inggeris diutamakan," katanya.

Abdul Aziz mengingatkan pihak yang menentang cadangan kerajaan itu supaya berfikir secara rasional dan tidak mengikut emosi.

"Sesiapa yang tidak dapat mengatasi emosinya, dia akan menghadapi masalah. Kita belum mendengar lagi keseluruhan orang Cina membantah, tetapi hanya pandangan pemimpin tertentu mereka sahaja yang kita dengar. Hanya apabila kerajaan melaksanakannya, barulah kita akan tahu," katanya.

Sementara itu ketika merasmikan karnival berkenaan, beliau berkata kini terdapat 11,961 orang pelajar pendidikan khas di seluruh negara dengan guru sebanyak 2,587 orang.

Kementerian sedang melatih 149 guru pendidikan khas dalam bahagian pembelajaran, 68 dalam bahagian kurang penglihatan dan 62 dalam bahagian kurang pendengaran, katanya.

-- BERNAMA

RP HM